

Talking Points  
YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob  
Menteri Kanan Pertahanan

**27 Julai 2020**

**Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Hari Ke-132 dan Hari ke-46 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan.**

**Task Force Operasi Pematuhan**

- **Semalam (26 Julai 2020) merupakan hari ke-45 pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).**
- **Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui *Task Force Operasi Pematuhan* melibatkan 2,681 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 12,644 anggota telah membuat 60,993 pemeriksaan bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan SOP PKPP.**
- **Sebanyak 4,138 pasar raya, 5,599 restoran serta 1,450 penjaja, 1,198 kilang, dan 2,373 pasar awam/tani telah diperiksa. Turut diperiksa, 3,551 tempat ibadah serta 1,367 tempat riadah.**
- **PDRM telah menahan 357 individu atas kesalahan ingkar arahan PKPP. Daripada jumlah itu, seramai 32 individu telah direman manakala 2 individu dijamin. 323 individu lagi dikenakan kompaun.**

- Kesemua 357 individu ini telah diambil tindakan kerana terlibat dalam **aktiviti melibatkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan sosial dan apa-apa aktiviti yang melanggar SOP.**
- Terdapat peningkatan penahanan oleh *Task Force* Operasi Pematuhan PKPP yang diketuai oleh PDRM terhadap individu-individu yang ingkar arahan PKPP.
- Jumlah yang dikenakan tindakan ini jelas menunjukkan PDRM tidak berkompromi terhadap mana-mana individu yang melanggar peraturan.
- *Task Force* akan **mempertingkatkan pemeriksaan** serta mengambil tindakan ke atas **pemilik premis dan orang awam yang tidak mematuhi SOP PKPP yang ditetapkan.**
- Kerajaan berharap rakyat akan terus menjadi **mata dan telinga bagi pihak berkuasa** untuk melaporkan apa-apa tindakan yang melanggar SOP.

### Kawalan Sempadan Negara

- **Operasi Benteng** yang melibatkan PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) mengawal ketat sempadan negara secara bersepadu dari **dibolosi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)** bagi mengekang jenayah rentas sempadan selain menyekat penularan wabak COVID-19.

- Dari 1 Mei sehingga 26 Julai 2020, seramai **2,371 PATI, 595 tekong dan 132 penyeludup** telah ditahan menerusi Operasi Benteng. Juga ditahan **95 bot/kapal serta 248 kenderaan**.
- Semalam, PDRM juga telah membuat **57 Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng** dan **memeriksa 27,698 kenderaan** bagi mengekang **kemasukan PATI** terutamanya di lorong-lorong tikus.
- PDRM telah berjaya menahan **4 warganegara asing** di Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng atas **kesalahan imigresen**.
- Kerajaan **akan mengambil tindakan tegas** terhadap mana-mana pihak yang cuba **memasuki sempadan negara secara haram** dan **tidak akan berkompromi** terhadap mereka yang terlibat dalam **penyeludupan masuk PATI**.

### Operasi Sanitasi Awam COVID-19

- **Ops Sanitasi Awam** di bawah kawal selia **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** sejak 30 Mac 2020 telah melakukan **9,391 operasi** sanitasi merangkumi **134 zon**.
- Semalam (26 Julai 2020), sebanyak **15 operasi sanitasi** meliputi **12 Zon termasuk 1 Zon Kuning** di **6 buah negeri** termasuk **Sabah (8), Melaka (3 operasi)** dan **Sarawak (1 operasi)**.
- Operasi Sanitasi ini melibatkan **51 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** serta **112 anggota pihak berkuasa tempatan (PBT)**. Turut menyertai Ops Sanitasi Awam, 3 jentera JPBM.

## Kuarantin Wajib

- Bermula 24 Julai 2020, **semua rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara dan warganegara asing mengikut kategori yang dibenarkan** masuk ke Malaysia perlu menjalani **perintah kuarantin wajib 14 hari** di Stesen Kuarantin yang ditetapkan Kerajaan.
- Bagi warganegara asing yang menjalani kuarantin wajib 14 hari, mereka perlu **menanggung sepenuhnya kos kuarantin termasuk kos ujian saringan COVID-19.**
- Bagi **rakyat Malaysia pula**, kos kuarantin termasuk ujian saringan COVID-19 akan **ditanggung oleh Kerajaan sebanyak 56 peratus**, manakala baki sebanyak 44 peratus akan ditanggung oleh **mereka sendiri.**
- Sehingga kini, seramai **1,448 individu** telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan kesemua telah ditempatkan di **6 Hotel dan 3 Institut Latihan Awam (ILA)** di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Johor.
- Mereka telah pulang dari **19 negara** iaitu Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura, Vietnam, Brunei, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, UAE, Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Bangladesh, China & Australia.
- Keputusan untuk membuka semula Stesen Kuarantin untuk proses **kuarantin wajib 14 hari** diambil **mengambil kira peningkatan kes import dan risiko penularan jangkitan COVID-19** akibat **ketidakpatuhan SOP *home quarantine*.**

- Kerajaan **memandang serius** insiden-insiden **ketidakpatuhan SOP *home quarantine*** yang telah menyebabkan **penularan jangkitan COVID-19 kepada ahli keluarga dan juga masyarakat sekeliling.**
- **Pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama anggota PDRM akan membuat pemeriksaan (*spot-check*) untuk memastikan semua yang terlibat mematuhi SOP yang ditetapkan.**
- Antara **SOP yang perlu dipatuhi** termasuk:
  - **Duduk di rumah sepenuhnya** untuk menjalani kuarantin dan **elak bercampur gaul** dengan ahli keluarga atau rakan serumah
  - **Gelang perintah pengawasan (*wristband*) wajib dipakai**
  - **Menjalani ujian COVID-19 pada hari ke-13** di klinik swasta atau klinik kesihatan yang diiktiraf oleh KKM
- Orang ramai diminta untuk **melaporkan kepada PDRM** sekiranya terdapat **individu dengan *wristband* kuarantin** keluar di tempat-tempat awam.
- Pihak PDRM akan mengambil tindakan terhadap mereka yang **tidak bertanggungjawab** dan mereka boleh **dikenakan tindakan kompaun RM1000** ataupun didakwa di mahkamah dan boleh dikenakan **hukuman penjara tidak melebihi 6 bulan.**
- Mulai hari ini, PDRM akan mengambil tindakan untuk menangkap dan mendakwa di mahkamah sebahagian daripada **2,897 individu yang masih belum tampil** untuk **ujian saringan kedua.**

## Pertukaran Anak Kapal

- Kerajaan hari ini telah mengambil keputusan untuk **memperketatkan SOP bagi proses Pertukaran Anak Kapal (*Sign On* dan *Sign Off*)**.
- Bagi anak kapal yang hendak **menjalani proses *Sign On***, mereka perlu menjalani **ujian saringan COVID-19** seurus tiba di **Pintu Masuk Antarabangsa Malaysia**.
- Sekiranya didapati **positif**, mereka akan **dihantar ke hospital** untuk mendapat rawatan. Bagi yang **negatif pula**, mereka akan **dikuarantin wajib 14 hari di Stesen Kuarantin** dan perlu menjalani **ujian saringan kali kedua pada hari ke-13**.
- Jika **negatif**, mereka akan **dibenarkan untuk menjalani proses *Sign On*** di pelabuhan.
- Bagi proses ***Sign Off*** pula, anak kapal perlu menjalani **ujian saringan COVID-19 seurus tiba di pelabuhan**. Sekiranya positif, mereka akan dihantar ke hospital untuk rawatan.
- Jika anak kapal terbabit **didapati negatif**, mereka perlu menjalani **proses kuarantin wajib 14 hari di Stesen Kuarantin** dan **disaring kali kedua pada hari ke -13**.
- Sekiranya **negatif**, mereka akan dibenarkan ke **Lapangan Terbang KLIA untuk pulang ke negara masing-masing**.
- **Kos kuarantin wajib 14 hari termasuk kos ujian saringan** perlu ditanggung sepenuhnya oleh **majikan anak kapal**.

## **SOP Hari Raya Aidiladha dan Ibadah Korban**

- Kerajaan hari ini telah membuat keputusan untuk **menyemak semula SOP Hari Raya Aidiladha dan Ibadah Korban** setelah mengambil kira risiko penularan semula jangkitan COVID-19.
- Bagi Ibadah Korban, Kerajaan telah memutuskan untuk **menghadkan tidak lebih 10 ekor haiwan bagi Masjid dan Surau termasuk lokasi korban yang telah dibenarkan oleh Pejabat Agama Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan.**
- Had ini **tertakluk kepada keluasan lokasi korban.**
- Walaubagaimanapun, Kerajaan menggalakkan agar ibadah Korban dilakukan di rumah penyembelihan di bawah **Jabatan Perkhidmatan Veterinar (28 buah)** dan rumah penyembelihan **Ruminan Swasta yang dilesenkan (31 buah).**
- Jumlah kehadiran sewaktu ibadah korban mengikut **20 orang untuk setiap ekor haiwan.**
- **Jamuan makan di tapak korban adalah tidak dibenarkan** kecuali makanan dibungkus.
- **Waktu ibadah korban di Masjid dan Surau** hanya boleh diadakan **selama 4 hari termasuk hari pertama Hari Raya Aidiladha, selepas solat Sunat Aidiladha dan tiga hari Tasyrik.**
- Walaubagaimanapun, mengambil kira **Hari Raya Aidiladha jatuh pada hari Jumaat**, ibadah korban **digalakkan** untuk dilakukan pada hari kedua, ketiga dan keempat.

- Bagi **jamuan di rumah**, tidak boleh melebihi **20 orang pada satu-satu masa**.
- Individu-individu yang masih dalam proses **home quarantine** **dilarang sama sekali** untuk **keluar dari rumah** apatah lagi untuk **pulang ke kampung** ataupun **menunaikan Solat Sunat Aidiladha** malah tidak boleh untuk menerima tetamu.
- Jika individu yang memakai **wristband** kuarantin melanggar peraturan yang ditetapkan, **orang ramai** diminta untuk **melaporkan kepada PDRM**.
- **SOP ini terpakai di Wilayah Persekutuan dan boleh digunapakai oleh Majlis Agama Negeri-Negeri sebagai rujukan.**

### Perintah Kawalan Pergerakan di Sarawak

- Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil **langkah yang tegas dan proaktif** untuk **mengekang penularan wabak COVID-19** di Sarawak, khususnya di Bandaraya Kuching.
- Kerajaan Pusat telah meluluskan permohonan Kerajaan Negeri untuk **menghadkan pergerakan perjalanan** antara Zon di Sarawak dari 1 Ogos sehingga 14 Ogos 2020:
  - Zon 1: Bahagian Kuching, Serian dan Samarahan (Zon Kuning/Merah)
  - Zon 2: Bahagian Seri Aman, Betong, Sarikei, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang (Zon Hijau)

- Mana-mana individu yang ingin **bergerak antara zon** hendaklah terlebih dahulu **mendapat kebenaran daripada pihak PDRM**, manakala **pergerakan dalam zon adalah dibenarkan**.
- **Jumlah penerbangan** dari Semenanjung, Sabah dan Labuan ke Sarawak **akan dikurangkan mulai 1 sehingga 14 Ogos**.